



بھائین قندید یقین اسلام

BAHAGIAN PENDIDIKAN ISLAM
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
ARAS 10-11, BLOK E-12, KOMPLEKS E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA



CERTIFIED TO ISO 9001:2000
CERT. NO.: AR 4373

Telefon : 03-8884 7150
Faks : 03-8889 7177
E-mel : webmaster@bpi.moe.gov.my
Laman Web : http://www.bpi.gov.my

Rujukan Kami : KP(JAPIM)5206/5/4/4 (1)
Tarikh : 3 Februari 2010

**Semua Pengarah Pelajaran,
Jabatan Pelajaran Negeri.**

Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin
Tuan/Puan,

PEPERIKSAAN KELAS KHAS KEMAHIRAN AL-QURAN (KKQ) TINGKATAN 3 DAN 5 TAHUN 2010.

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman Y.Bhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan, Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia akan mengadakan Peperiksaan Kelas Khas Kemahiran al-Quran (KKQ) Tahun 2010 bagi murid-murid tingkatan 3 dan 5 yang mengikuti kelas berkenaan di semua **SMKA, SMAP, SBPI** dan **KAA** seluruh negara.

3. SYARAT KELAYAKAN MENGAMBIL PEPERIKSAAN

Semua murid tingkatan 3 dan 5 yang mengikuti Kelas Khas Kemahiran al-Quran (KKQ) pada tahun 2010 layak menduduki peperiksaan tersebut.

4. PENDAFTARAN CALON

Pihak sekolah dipohon mendaftarkan calon-calon yang layak menduduki peperiksaan dengan melengkapkan Borang Pendaftaran seperti format dalam lampiran. Borang tersebut hendaklah dihantar kepada Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pelajaran Negeri sebelum atau pada **28 Februari 2010**. Satu salinan Borang Pendaftaran hendaklah dihantar kepada bahagian ini melalui emel berikut; kkqbpi@gmail.com.

Pihak Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pelajaran Negeri dipohon menghantar borang-borang pendaftaran tersebut ke bahagian ini sebelum **15 Mac 2010 (U.P. Tuan Hj. Mohd Zainul Arifien bin Mohd Jaid)**.

Calon yang tercicir dibenarkan menduduki peperiksaan tersebut dengan syarat pihak sekolah memaklumkan terlebih dahulu kepada bahagian ini sebelum peperiksaan dilaksanakan.

5. JAWATANKUASA PEPERIKSAAN KKQ PERINGKAT SEKOLAH

Dalam usaha memastikan peperiksaan tersebut dilaksanakan secara telus dan teratur, pihak sekolah dipohon menubuhkan Jawatankuasa Peperiksaan KKQ peringkat sekolah yang dipengerusikan oleh Pengetua. Jawatankuasa tersebut bertanggungjawab memastikan peperiksaan tersebut dilaksanakan secara telus dan mengikut jadual yang telah ditetapkan.

6. FORMAT PEPERIKSAAN

Peperiksaan tersebut dilaksanakan mengikut format berikut;

6.1 Objektif Aneka Pilihan

- 6.1.1 Calon-calun dikehendaki menjawab 75 soalan.
- 6.1.2 Masa yang ditetapkan untuk menjawab ialah 1 jam 30 minit.
- 6.1.3 Kertas soalan, Skema Jawapan dan Borang Jawapan akan disediakan oleh bahagian ini.
- 6.1.4 Skrip jawapan calon hendaklah diperiksa sendiri oleh Guru KKQ sekolah berkenaan dengan pengawasan Jawatankuasa Peperiksaan KKQ.
- 6.1.5 Pihak sekolah dipohon memperbanyakkan kertas soalan dan borang jawapan sekiranya bilangan yang dibekalkan tidak mencukupi.

6.2 Ujian Lisan

- 6.2.1 Ujian ini akan dikendalikan oleh Guru KKQ dengan dibantu oleh Guru Pendidikan Islam sekolah berkenaan.
- 6.2.2 Calon-calun akan diuji dalam tiga bidang iaitu Tarannum, Qira'at as-Sab'ie dan Hafazan.
- 6.2.3 Kertas Soalan, Skema Jawapan dan Borang Pemarkahan akan disediakan oleh bahagian ini.
- 6.2.4 Pihak sekolah dipohon memperbanyakkan Borang Pemarkahan sekiranya bilangan yang dibekalkan tidak mencukupi.

6.3 Borang Pemarkahan

Markah calon hendaklah dicatatkan ke dalam Borang Pemarkahan yang akan disertakan bersama kertas soalan. Borang tersebut hendaklah dihantar kepada Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pelajaran Negeri. Satu salinan hendaklah dihantar melalui emel kepada kkqbpi@gmail.com. Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pelajaran Negeri dipohon memanjangkan Borang Pemarkahan tersebut kepada bahagian ini pada atau sebelum **16 Ogos 2010 (U.P. Tn. Hj. Mohd Zainul Arifien bin Mohd Jaid)**.

7. JADUAL PEPERIKSAAN

Peperiksaan tersebut akan diselenggarakan di seluruh negara seperti tahun-tahun sebelumnya. Sekolah-sekolah yang terlibat dikehendaki mematuhi jadual tersebut.

7.1 Peperiksaan Objektif

Tarikh : 22 Jun 2010
Hari : Selasa
Masa : 9.00 Pagi – 10.30 Pagi

7.2 Ujian Lisan

Tarikh : 23 Jun hingga 15 Julai 2010

8. Bahagian ini amat berbesar hati memohon kerjasama daripada pihak Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan memaklumkan kepada semua **SMKA, SMAP, SBPI dan KAA** yang terlibat dengan peperiksaan berkenaan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(HAJI ABD RASHID BIN NGAH)
Pengarah
Bahagian Pendidikan Islam,
Kementerian Pelajaran Malaysia.

**PENDAFTARAN PEPERIKSAAN
KELAS KHAS KEMAHIRAN AL-QURAN
TAHUN 2010**

Nama Sekolah : _____

Alamat Sekolah : _____

Kod Sekolah : _____

Email : _____

No. Telefon : _____

No. Fax : _____

Bil Calon Tingkatan 3 : _____

Bil.Calon Tingkatan 5 : _____

Tandatangan & Cop Pengetua

.....

*Catatan :

1. Sila hantar borang pendaftaran ini kepada Sektor Pendidikan Islam JPN sebelum 28 Februari 2010
2. Sila hantar satu salinan kepada BPI melalui email sahaja : **kkqbpi@gmail.com** sebelum 30 Februari 2010

BORANG SENARAI SEMAK PENGURUSAN PEPERIKSAAN KKQ TAHUN 2010

| BIL | PERKARA | TANDAKAN (✓) JIKA SELESAI | CATATAN |
|-----|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------|---------|
| 1 | Pendaftaran calon | | |
| 2 | Borang Pendaftaran Peperiksaan dihantar kepada Sektor Pendidikan Islam JPN (Sebelum atau pada 28 Februari 2010) | | |
| 3 | Borang Pendaftaran Peperiksaan dihantar kepada BPI melalui emel (kkqbpi@gmail.com) (Sebelum atau pada 28 Februari 2010) | | |
| 4 | Jadual Peperiksaan dimaklumkan kepada calon | | |
| 5 | Penubuhan Jawatankuasa Peperiksaan KKQ peringkat sekolah | | |
| 6 | Pelaksanaan Peperiksaan Objektif (22 Jun 2010) | | |
| 7 | Pelaksanaan Ujian Lisan (23 Jun hingga 15 Julai 2010) | | |
| 8 | Skrip Jawapan Calon selesai diperiksa (Skrip Jawapan Objektif dan Lisan diperiksa sendiri oleh Guru KKQ) | | |
| 9 | Markah calon telah dicatatkan dalam Borang Pemarkahan | | |
| 10 | Borang Pemarkahan yang lengkap dihantar kepada Sektor Pendidikan Islam JPN (Sebelum atau pada 16 Ogos 2010) | | |
| 11 | Borang Pemarkahan yang lengkap dihantar kepada BPI melalui emel (kkqbpi@gmail.com) (Sebelum atau pada 16 Ogos 2010) | | |
| 12 | Semua dokumen berkaitan peperiksaan disimpan dalam Fail | | |
| 14 | Lain-lain (Sila nyatakan); | | |

Catatan: Sila letakkan Borang Senarai Semak ini dalam Fail Panitia KKQ